

# Permodalan Nasional Berhad bayar pemegang akaun RM187.1b

**Sungai Petani:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) sudah membayar keseluruhan RM187.1 bilion kepada pemegang akaun dalam pelbagai skim pelaburannya sejak 40 tahun lalu.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata PNB bermula pada 1978 dengan modal RM200 juta kini sudah berkembang menjadi antara institusi pelaburan utama negara dengan nilai aset terkumpul mencecah RM298.5 bilion ketika ini.

Katanya, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) kini mempunyai 14 produk yang terus menyumbang kepada usaha meningkatkan taraf hidup pelabur di bandar dan luar bandar.

“Selepas lebih 40 tahun, PNB melalui ASNB berjaya meningkatkan pendapatan rakyat dengan pulangan dividen berjumlah RM187.1 bilion kepada pelaburnya.

“Dalam tempoh sama, PNB juga berjaya mengembangkan asetnya sehingga mencecah RM298.5 bilion ketika ini,” katanya dalam perutusan khas disiarkan menerusi rakaman video pada majlis perasmian MSAM 2019, di sini, semalam.

## + **Acara penting negara**

Mengimbau kenangan penganjuran awal MSAM, Dr Mahathir berkata, beliau masih mengingati acara pertama diadakan pada 2000 ketika menjadi Perdana Menteri keempat.

“PNB ketika itu berjaya menyambut saranan kerajaan dalam menjayakan program pendidikan pelaburan kepada rakyat sehingga MSAM menjadi antara acara penting negara,” katanya.

**Fakta  
nombor**

**RM298.5 BILION**

nilai aset terkumpul PNB

*Benita Hanan, 20/4/19, muka dua  
pg. 2.*